



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PEGAWAI UGAMA KANAN (B.3)
JABATAN HAL EHWAL SYARIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam



**1. PEGAWAI UGAMA KANAN
JABATAN HAL EHWAL SYARIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Al-Quran / Bahasa Arab / Kaunseling / Syariah / Usuluddin atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

2. i) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

ATAU

- ii) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

3. Hendaklah bersih daripada kesalahan-kesalahan Syariah.

4. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGUNGJAWAB:

1. Mengetuai dan mengurus tadbir Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK);
2. Memastikan pegawai dan kakitangan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan mengikut TPOR / MPK Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) bagi menunaikan kehendak pelanggan luaran dan dalaman;
3. Mengendalikan kes MAL, poligami dan memohon nasihat;
4. Menyampaikan kursus Pra Nikah termasuk kursus singkat dalam Bahasa Arab dan Inggeris, Taklimat Poligami dan Bimbingan Keluarga;
5. Merangka dan menyediakan penyelarasan kurikulum Kursus Pra Nikah, Taklimat Poligami dan Bimbingan Keluarga;
6. Merancang dan menyelenggara pelaksanaan kursus Pasca Perkahwinan di seluruh daerah;
7. Menyampaikan ceramah bimbingan keluarga di radio dan televisyen, Institusi Pengajian Tinggi dan agensi-agensi kerajaan dan kepada saudara-saudara baru;
8. Memantau pengendalian kes MAL, Kursus Pra Nikah, Taklimat Poligami dan Bimbingan Keluarga;
9. Menyediakan / meneliti / memantau Rancangan Tahunan / Laporan Tahunan dan program-program dijalankan mengikut masa yang telah ditentukan;
10. Memantau pelaksanaan Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2020-2024 dan Jabatan;
11. Memantau kehadiran Pegawai dan Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga;
12. Memantau pengumpulan data statistik setiap seksyen;
13. Mewakili Pengarah / Penolong Pengarah menghadiri apa jua mesyuarat yang diarahkan; dan
14. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pihak atasan dari semasa ke semasa.